



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**KETUA EKSEKUTIF**  
**CHIEF EXECUTIVE**  
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran  
*Skills Development Fund Corporation*  
Kementerian Sumber Manusia  
*Ministry of Human Resources*  
Pejabat Ketua Eksekutif  
Aras 27, Menara Dato' Onn  
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)  
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur.



Telefon : 03-4047 6008  
Faks : 03-4047 6108  
Laman Web : [www.ptpk.gov.my](http://www.ptpk.gov.my)  
E-mel : [skillsfund@ptpk.gov.my](mailto:skillsfund@ptpk.gov.my)

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 ( 19 )  
Tarikh : 10 Mac 2021

Ketua Eksekutif / Pengarah / Pengurus  
Penyedia Latihan Berdaftar dengan PTPK

Salam Kemahiran,

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PINDAAN SYARAT PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN (PL)  
DENGAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa **Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Bil. 1 Tahun 2021** yang bersidang pada **26 Januari 2021** telah **bersetuju** untuk meminda beberapa syarat pendaftaran Penyedia Latihan (PL) dengan PTPK bagi PL selain Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM).

3. Mesyuarat tersebut bersetuju dengan pindaan seperti berikut :
- Pemansuhan syarat Modal Dibenarkan (*Authorized Capital*) minimum RM300,000.00 sehingga 30 Jun 2021** bagi Skim Pinjaman Latihan Kemahiran yang diuruskan oleh PTPK dan pemansuhan syarat ini akan dikaji semula selepas tempoh ini

(Muka 1 dari 4)

(Sila Catatkan Rujukan Jabatan Ini Apabila Menjawab)

PINDAAN SYARAT PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN (PL) DENGAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

---

bagi membantu PL meneruskan kelangsungan operasi mereka di dalam menghadapi keadaan semasa ekonomi negara yang tidak menentu kesan daripada pandemik Covid-19;

- ii. Pindaan kenaikan kadar Modal Berbayar bagi program yang dijalankan oleh PL seperti berikut di bawah Skim Pinjaman Latihan Kemahiran yang diuruskan oleh PTPK:
  - a. **Modal berbayar RM100,000.00 untuk satu (1) program;**
  - b. **Modal berbayar RM150,000.00 untuk dua (2) hingga tiga (3) program;**
  - c. **Modal berbayar RM200,000.00 untuk empat (4) hingga lapan (8) program; dan**
  - d. **Modal berbayar RM250,000.00 untuk lebih dari lapan (8) program;**
- iii. Untuk Modal Berbayar bagi Skim Pembiayaan Latihan Kemahiran yang diberikan secara geran adalah dikekalkan; dan
- iv. Tambahan Modal Berbayar bagi setiap cawangan (*jika ada*) **dikekalkan** di bawah Skim Pinjaman dan Pembiayaan Latihan Kemahiran yang diuruskan oleh PTPK.

4. Selain itu, mesyuarat turut bersetuju untuk membuat pindaan semakan ke atas **Objektif Perniagaan Yang Utama yang dinyatakan di dalam *Memorandum Articles Of Association (MAA)* di bawah Akta Syarikat 2016** seperti berikut kerana berlakunya pindaan Akta Syarikat 1965 kepada Akta Syarikat 2016 yang berkuatkuasa pada **31 Januari**

PINDAAN SYARAT PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN (PL) DENGAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

**2017** telah menyebabkan **MAA** ini dimansuhkan bagi syarikat yang didaftarkan pada tahun 2017 dan ke atas:

- i. Bagi meneliti objektif perniagaan yang utama bagi sesebuah syarikat, ia boleh disemak melalui ***Nature of Business*** di bawah **pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**; dan
- ii. Dokumen MAA ini masih boleh disemak sekiranya **syarikat didaftarkan sebelum tahun 2017**.

5. Sehubungan dengan itu, semua PL yang memohon pendaftaran PL dan program latihan kemahiran akan diproses berdasarkan kepada keputusan ini.

6. Pindaan ke atas syarat pendaftaran PL ini dilakukan bagi memastikan **kelestarian dan kelangsungan PL** supaya **berdaya saing dan mampu untuk mengekalkan perniagaannya** agar dapat menjalankan latihan kemahiran kepada pelatih sehingga pelatih menamatkan latihan kemahirannya.

7. Ini merupakan salah satu usaha PTPK untuk membolehkan pembiayaan latihan kemahiran diberikan kepada pelatih yang layak yang mana secara langsung akan membantu negara meningkatkan bilangan tenaga kerja mahir bagi memenuhi keperluan industri, sekaligus dapat membantu kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja mahir luar negara dan negara berpendapatan tinggi.

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 ( 19 )  
Tarikh : 10 Mac 2021

PINDAAN SYARAT PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN (PL) DENGAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

8. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi Encik Syafry Noor bin Sabaruddin di talian 03-4047 6189 atau mel elektronik [syafry@ptpk.gov.my](mailto:syafry@ptpk.gov.my) atau Encik Zahrim bin Mohd Sarim di talian 03-4047 6180 atau mel elektronik [zahrim@ptpk.gov.my](mailto:zahrim@ptpk.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“Pekerja Dan Cabaran Budaya Norma Baharu”***

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)**

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia

**Salinan Kepada:**

- i. Fail Mesyuarat Lembaga Pengarah, PTPK
- ii. Fail Jawatankuasa Induk Pendaftaran Penyedia Latihan (PL) Dan Program Latihan Kemahiran PTPK
- iii. Pengurus Besar (Operasi) dan semua Ketua Bahagian, PTPK